

10 AUG 2003

I

DR MAHATHIR RASMI PERHIMPUNAN AGUNG MCA KE-50

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-50 di Wisma MCA di sini hari ini.

Di samping 2,000 perwakilan, majlis perasmian perhimpunan itu turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pemimpin parti-parti komponen BN dan 11 veteran parti yang termasuk presiden seumur hidup Tan Sri Lee San Choon dan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dua bekas presiden dan bekas pemangku presiden Datuk Dr Neo Yee Pan.

Selain ucapan oleh Dr Mahathir dan presiden parti Datuk Seri Ong Ka Ting, tumpuan mesyuarat sehari itu adalah pada cadangan meminda perlembagaan parti bagi menghadkan tempoh memegang jawatan presiden kepada hanya tiga penggal atau sembilan tahun.

Undian bagi cadangan itu akan dilaksanakan dengan cara mengangkat tangan. Undi rahsia akan hanya dijalankan jika satu pertiga daripada perwakilan memohon berbuat demikian.

Perhimpunan itu juga dijangka merakamkan penghargaan parti terhadap kepimpinan Dr Mahathir, yang dijangka meletak jawatan pada akhir Oktober ini, kerana khidmat dan sumbangan beliau kepada rakyat dan negara.

Mesyuarat itu juga dijangka meluluskan usul menyokong penuh Abdullah, yang mengambil alih kepimpinan negara nanti.

-- BERNAMA

AT AZZ DC MAI